

**GERAKAN ENVIRONMENTALISME DAN
HUBUNGANNYA DENGAN PROSES
PENDEMOKRASIAN DI MALAYSIA: KAJIAN KES
DI PERAK (2008-2018)**

MOHAMAD FAIZAL BIN ABD MATALIB

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**GERAKAN ENVIRONMENTALISME DAN
HUBUNGANNYA DENGAN PROSES
PENDEMOKRASIAN DI MALAYSIA: KAJIAN KES
DI PERAK (2008-2018)**

oleh

MOHAMAD FAIZAL BIN ABD MATALIB

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Doktor Falsafah**

Februari 2024

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Pertama sekali, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat serta kurniaNya telah mengizinkan penulisan kajian ini disiapkan pada masa dan tarikh yang ditetapkan serta segala kesulitan yang dihadapi dapat diatasi. Di ruang ini, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Prof Dr. Ahmad Fauzi Abdul Hamid kerana di atas kesabaran, dedikasi, komitmen, bimbingan, kritikan dan teguran yang telah beliau curahkan sepanjang penulisan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada majikan saya iaitu Universiti Utara Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi kerana memberikan peluang biasiswa untuk mengikuti pengajian di bawah Skim Latihan Akademik. Seterusnya kepada rakan-rakan aktivis di dalam Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) yang banyak membantu sepanjang kajian ini dijalankan. Segala kerjasama, pertolongan, tunjuk ajar dan perkongsian pengalaman mereka di dalam dunia aktivisme alam sekitar sangat saya hargai.

Penghasilan tesis ini sudah semestinya tidak terlaksana tanpa kasih sayang, dorongan, sokongan moral dan doa yang tidak pernah jemu daripada isteri iaitu Dr Siti Norshafika dan kedua ibu bapa saya iaitu Abd Matalib bin Ariffin dan Kamariah binti Yusof. Buat kakak dan abang-abang iaitu Rozita, Khairul Adzha dan Muhamad Rusnizam, hanya Allah s.w.t yang dapat membalas kasih sayang kalian semua. Untuk anak saya, iaitu Noah Adam, semoga kejayaan ini menjadi dorongan kepada kamu untuk berjaya di masa

hadapan. Kepada setiap individu yang tidak disebutkan di sini, tetapi telah memainkan peranan yang besar di dalam penghasilan tesis ini, hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas jasa baik kalian.

Mohamad Faizal Bin Abd Matalib
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ),
Universiti Sains Malaysia,
faizalmatalib@gmail.com
Februari 2024

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	viii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI SINGKATAN.....	x
ABSTRAK.....	xii
ABSTRACT.....	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	2
1.3 Persoalan Kajian.....	10
1.4 Objektif Kajian.....	10
1.5 Kerangka Teoritikal dan Konseptual.....	11
1.5.1 Masyarakat Sivil.....	11
1.5.2 Gerakan Environmentalisme.....	21
1.5.3 Pendemokrasian.....	29
1.5.4 Aplikasi Kerangka Konseptual.....	42
1.6 Skop Kajian.....	45
1.7 Organisasi Kajian.....	48
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS.....	51
2.1 Pengenalan.....	51

2.2	Kajian Berkenaan Gerakan Sosial Dan Pendemokrasian Di Malaysia.....	52
2.3	Kajian Berkenaan Gerakan Environmentalisme Di Luar Negara.....	60
2.4	Kajian Berkenaan Gerakan Environmentalisme Di Malaysia.....	65
2.5	Kajian Berkenaan Politik Di Negeri Perak.....	68
2.6	Kesimpulan.....	70
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN.....	72
3.1	Pengenalan.....	72
3.2	Kajian Kualitatif.....	73
3.3	Pendekatan Etnografi.....	76
3.4	Pengumpulan Data Kajian.....	82
3.5	Data Primer.....	82
3.5.1	Kaedah Pemerhatian.....	83
3.5.2	Pemerhatian Di Lokasi Kajian.....	84
3.5.3	Pemerhatian Ikut Serta.....	86
3.5.4	Catatan Kerja Lapangan.....	90
3.5.5	Temu Bual	90
3.5.6	Data Bertulis.....	98
3.6	Data Sekunder.....	99
3.6.1	Kajian Perpustakaan.....	99
3.6.2	Sumber Dari Internet.....	100
BAB 4	SEJARAH DAN PERKEMBANGAN GERAKAN ENVIRONMENTALISME DI MALAYSIA.....	102
4.1	Pengenalan.....	102
4.2	Ekonomi Malaysia Selepas Merdeka.....	103

4.3	Hubungan Pembangunan Dan Alam Sekitar.....	115
4.4	Demokrasi Di Malaysia: Ideologi Dan Amalan.....	118
4.5	Masyarakat Sivil Dan Penglibatan Politik NGO.....	123
4.6	Sejarah Kemunculan Gerakan Environmentalisme Di Malaysia.....	127
4.7	Gabungan NGO Alam Sekitar Di Malaysia.....	133
4.8	Isu Dan Gerakan Environmentalisme.....	135
4.8.1	Isu Empangan Bakun.....	135
4.8.2	Isu Taman Negara Endau Rompin.....	136
4.8.3	Isu Lynas.....	139
4.9	Kesimpulan.....	141
BAB 5	GERAKAN ENVIRONMENTALISME DI NEGERI PERAK: ISU DAN AKTIVISME.....	143
5.1	Pengenalan.....	143
5.2	Latar Belakang Negeri Perak.....	144
5.3	Isu-Isu Alam Sekitar.....	148
5.3.1	Isu Kilang Vale.....	148
5.3.2	Isu Teluk Muroh.....	152
5.3.3	Isu Segari.....	156
5.3.4	Isu Penyahutan.....	159
5.4	Gerakan Environmentalisme Di Negeri Perak.....	161
5.5	Bentuk Aktivisme.....	163
5.6	Kesimpulan.....	168

BAB 6	GERAKAN ENVIRONMENTALISME DI NEGERI PERAK DAN PROSES PENDEMOKRASIAN: PERANAN DAN CABARAN.....	171
6.1	Pengenalan.....	171
6.2	Peranan Gerakan Environmentalisme Ke Arah Pendemokrasian.....	171
6.2.1	Menggalakkan Penglibatan Rakyat Dalam Proses Demokrasi.....	172
6.2.2	Pengantara Antara Kerajaan Dan Masyarakat.....	176
6.2.3	Penasihat Dan Pengkritik Kepada Kerajaan.....	177
6.3	Cabaran Kepada Gerakan Environmentalisme Di Perak.....	179
6.3.1	Kekurangan Dana.....	179
6.3.2	Kekurangan Aktivis.....	181
6.3.3	Masalah Politik Di Kalangan NGO.....	182
6.3.4	Mentaliti Masyarakat.....	183
6.3.5	Tiada Tekad Politik.....	185
6.4	Kesimpulan.....	187
BAB 7	KESIMPULAN.....	189
7.1	Pengenalan.....	189
7.2	Dapatan Kajian.....	190
7.3	Sumbangan Kajian.....	195
7.4	Cadangan Penyelidikan Di Masa Hadapan.....	196
	RUJUKAN.....	197
	LAMPIRAN	
	SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Gelombang Demokrasi dan Gelombang Balik 1828-1989.....34
Jadual 3.1	Pemerhatian Di Lokasi Kajian.....84
Jadual 3.2	Pemerhatian Ikut Serta.....87
Jadual 3.3	Senarai Informan Kajian.....91
Jadual 3.4	Senarai Informan NGO Alam Sekitar.....92
Jadual 3.5	Senarai Informan (Aktivis) Di Peringkat Lokal.....93
Jadual 3.6	Latar Belakang Informan (Aktivis) Di Peringkat Lokal.....94
Jadual 5.1	Keputusan PRU12 – PRU14.....146
Jadual 5.2	Bentuk Aktivisme Oleh Gerakan Environmentalisme Di Perak.....164
Jadual 5.3	Hasil Daripada Aktivisme Oleh Gerakan Environmentalisme Di Perak.....167

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Ruang Dan Peranan Masyarakat Sipil.....20
Rajah 1.2	Pengoperasian Kerangka Teoritikal Dan Konseptual Dalam Bab.....43
Rajah 1.3	Aplikasi Kerangka Teoritikal dan Konseptual.....44
Rajah 3.1	Kerangka Metodologi Kajian.....75
Rajah 3.2	Kempen Selamatkan Penyu Segari Di Ipoh, Perak.....77
Rajah 5.1	Peta Negeri Perak.....144
Rajah 5.2	Penambakan Laut Di Teluk Muroh.....153
Rajah 5.3	Bantahan Yang Dilakukan Oleh Komuniti Setempat.....155
Rajah 5.4	Rakan Segari.....158
Rajah 5.5	Pembalakan Di Pos Piah.....160
Rajah 5.6	Program LASAK.....172
Rajah 5.7	Peserta LASAK Di Bawa Ke Lapangan.....173

SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
BN	Barisan Nasional
CAP	<i>Consumers' Association of Penang</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DUN	Dewan Undangan Negeri
GAGASAN	Gagasan Demokrasi Rakyat
GERAK	Gerakan Keadilan Rakyat
GRASS	Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia
ISA	<i>Internal Security Act</i>
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
KUASA	Persatuan Aktivis Sahabat Alam
LASAK	Latihan Aktivis Sahabat Alam
MNS	<i>Malaysian Nature Society</i>
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i>
PAS	Parti Islam Se Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PEKA	Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia
PH	Pakatan Harapan
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PN	Perikatan Nasional
PR	Pakatan Rakyat

PRU	Pilihan Raya Umum
SAM	Sahabat Alam Malaysia / Friends of Earth Malaysia
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
WWF-Malaysia	<i>World Wide Fund for Nature -Malaysia</i>

**GERAKAN ENVIRONMENTALISME DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PROSES PENDEMOKRASIAN DI MALAYSIA: KAJIAN KES DI PERAK
(2008-2018)**

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji gerakan environmentalisme di negeri Perak dan impaknya ke atas proses pendemokrasian di negara ini. Data tesis ini dikutip melalui kaedah penyelidikan kualitatif. Data primer dikutip melalui pendekatan etnografi dengan kaedah pemerhatian dan temubual. Manakala data sekunder pula diperoleh melalui kajian perpustakaan seperti buku, jurnal, dan tesis oleh sarjana sebelum ini. Bagi menjawab persoalan dan objektif kajian ini, kerangka teoritikal dan konseptual iaitu masyarakat sivil, gerakan environmentalisme dan pendemokrasian telah digunakan. Hipotesis kajian ini ialah gerakan environmentalisme turut menyumbang kepada proses pendemokrasian di Malaysia dengan menjadikan negeri Perak sebagai lokasi kajian. Hasil kajian menghasilkan tiga penemuan utama. Pertama, gerakan environmentalisme di Malaysia telah wujud sebelum kemerdekaan hingga ke hari ini. Kedua, isu-isu alam sekitar seperti pembinaan kilang Vale, isu penambakan laut di Teluk Muroh, isu alam sekitar di Segari dan isu penyahutan telah menyebabkan munculnya gerakan environmentalisme di negeri tersebut. Gerakan tersebut menjalankan aktivisme mereka melalui kempen, bantahan awam, memorandum bantahan, kempen atas talian dan melobi ahli politik. Ketiga, gerakan environmentalisme tersebut telah menyumbang kepada pendemokrasian Malaysia. Namun begitu, gerakan tersebut menghadapi cabaran di peringkat dalaman

seperti kekurangan dana, kekurangan aktivis dan masalah politik dalam kalangan NGO alam sekitar. Manakala, cabaran luaran pula ialah pengaruh politik pembangunan, mentaliti masyarakat di kawasan terjejas dan tiada tekad politik di kalangan ahli politik yang menyebabkan gerakan environmentalisme ini tidak berjaya mencapai matlamat perjuangan mereka.

**THE ENVIRONMENTALIST MOVEMENT AND ITS RELATIONSHIP WITH
DEMOCRATIZATION IN MALAYSIA: A CASE STUDY OF PERAK
(2008-2018)**

ABSTRACT

This thesis examines the environmental movement in the state of Perak and its impact on the country's democratisation process. The data for this thesis was gathered using qualitative research methods. Primary data was gathered using an ethnographic approach that included observation and interview methods. Meanwhile, secondary data is gathered through library research, which includes books, journals, and theses written by previous scholars. To answer the study's questions and objectives, the theoretical and conceptual frameworks of civil society, environmentalism, and democratisation were used. The hypothesis of this study is that the environmentalism movement contributed to Malaysia's democratisation process by setting the study in the state of Perak. The study's findings were divided into three categories. First, the environmental movement in Malaysia existed prior to independence and continues to this day. Second, environmental issues such as the construction of the Vale factory, the issue of sea reclamation in Teluk Muroh, the environmental issue in Segari, and the issue of afforestation have stimulated environmentalism movement in the state. The environmentalist movement engages in activism through campaigns, public protests, protest memoranda, online campaigns and lobbying of politicians. Third, Malaysia's democratisation has benefited from the environmental movement. However, the movement faces internal challenges such as a lack of funding, a shortage of activists, and political issues within environmental non-

governmental organisations. Meanwhile, the external challenges include development politics, the mentality of the people in affected areas and the lack of political determination among politicians, which has resulted in the environmentalism movement failing to achieve its goals.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Peningkatan kesedaran terhadap kepentingan alam semula jadi dan pemuliharaan serta pemeliharaan alam sekitar telah melahirkan gelombang baru gerakan environmentalisme di Malaysia. Gerakan environmentalisme memainkan peranan yang penting untuk menjamin bahawa projek-projek pembangunan dan penjana ekonomi yang berasaskan sumber alam yang dilakukan oleh pihak berkepentingan sama ada kerajaan atau swasta tidak menyimpang daripada konsep pembangunan lestari dan menghormati dasar serta peruntukan undang-undang yang sedia ada (Hezri, 2016; Carter, 2001; Rootes, 2010).

Namun begitu, keterbatasan amalan demokrasi di negara ini menyebabkan gerakan ini sering kali menghadapi pelbagai cabaran untuk mencapai matlamat perjuangan mereka. Dalam merentasi sempadan entik dan agama yang mana kedua-dua elemen ini telah mewarnai perkembangan politik Malaysia sejak sekian lama, gerakan environmentalisme ini dilihat lebih bersifat universal dan berjaya keluar daripada kerangka etnik dan agama serta dapat menggerakkan aktivisme mereka dalam ruang lingkup yang lebih luas dan menyumbang kepada proses pendemokrasian di negara ini.

Oleh itu, tesis ini mengkaji fenomena gerakan environmentalisme di Malaysia dan kesannya kepada proses pendemokrasian Malaysia dengan menjadikan negeri Perak sebagai lokasi kajian. Hipotesis kajian ini ialah gerakan environmentalisme telah menyumbang kepada proses pendemokrasian Malaysia. Seterusnya, sebagai tapak asas kepada kajian ini, bab ini membincangkan mengenai pendahuluan kajian yang merangkumi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kerangka teoritikal dan konseptual, skop kajian, dan organisasi kajian.

1.2 Permasalahan Kajian

Tarikh 31 Ogos 2023 merupakan tarikh genap 66 tahun Malaysia bebas daripada penjajahan British. Perkara ini bermaksud telah lebih setengah abad Malaysia mencapai kemerdekaan. Sebagai sebuah negara yang merdeka, Malaysia merupakan sebuah negara yang bersifat majmuk, yang mana terdapat kepelbagaian dalam budaya, agama dan politik masyarakatnya. Sejak merdeka, Malaysia dengan konsisten menyatakan bahawa negara ini sebagai sebuah negara demokrasi dengan mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan¹.

¹ Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Perlembagaan negara telah digubal dengan mengadakan beberapa syarat untuk mengamalkan sistem ini. Salah satu syarat sistem Demokrasi Berparlimen adalah pembahagian kuasa kepada tiga bahagian di dalam pemerintahan iaitu Perundangan, Kehakiman dan Pentadbiran atau Eksekutif. Selain itu, sebagai sebuah negara Raja Berperlembagaan, maka diperuntukan oleh Perlembagaan kewujudan institusi Yang Di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu di Sembilan buah negeri dan Majlis Raja Raja Melayu. Raja-Raja Melayu diberi kuasa untuk memelihara adat istiadat orang Melayu dan Pentadbiran Agama Islam di negeri masing-masing. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam bagi negeri Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan). Baginda juga menjadi Ketua Utama Negara dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Negara. Baginda akan menjalankan tugas-tugas dibawah Perlembagaan mengikut Perdana Menteri atau Jemaah Menteri. Raja-Raja pula menjadi Ketua Negeri masing-masing dan menjalankan tugas mengikut nasihat Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Dalam menggariskan takrifan umum mengenai demokrasi, Zaini (2006:29) menjelaskan bahawa demokrasi mempunyai tujuh ciri utamanya iaitu pilihan raya yang bebas dan adil, pemerintahan berasaskan majoriti, kebebasan badan kehakiman, hak minoriti dihormati, kebebasan bersuara, kebebasan berorganisasi dan berpersatuan serta kebebasan berkumpul dan bergerak. Bersandarkan kepada beberapa elemen penting di atas, maka kewujudan *non-governmental organization* (NGO) atau pertubuhan bukan kerajaan adalah tidak dapat dielakkan sebagaimana yang telah dibenarkan dalam amalan demokrasi itu sendiri.

Perkara ini turut dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana Perkara 10 (1) (c) telah memberi jaminan kepada setiap warganegara Malaysia iaitu jaminan hak kebebasan untuk menubuhkan dan menganggotai mana-mana pertubuhan yang dikehendaki selagi tidak memberi ancaman kepada keselamatan negara (Perlembagaan Persekutuan 2008). Perkara ini bermaksud bahawa persatuan yang ingin ditubuhkan dan dianggotai oleh mana-mana individu seharusnya bukan pertubuhan kongsi gelap yang berbentuk militan dan subversif yang berpotensi mengganggu gugat keselamatan awam dan negara. Dengan ini, kewujudan NGO di negara ini bukanlah sesuatu yang asing, malah perkembangannya telah melalui sejarah yang panjang.

Berdasarkan hujah ini, terdapat pelbagai persatuan dan pertubuhan yang ditubuhkan bagi membolehkan masyarakat berpartisipasi dalam ruang awam bagi menyuarakan minat, kepercayaan, ideologi dan kepentingan mereka (Saliha 2000; Zaini 2002; Weiss dan Saliha 2003). Di samping itu, kewujudan NGO yang pelbagai dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi adalah penting, malah dapat dijadikan ukuran kepada tahap pengamalan demokrasi di sesebuah negara

(Heywood 2013). Hal ini kerana, dalam sistem ini, NGO akan berfungsi sebagai pemerhati, pengkritik, penilai dan pembahas terhadap pemerintahan dan dasar-dasar kerajaan supaya wujudnya semak dan imbang dalam memastikan pemerintahan kerajaan berjalan dengan betul dan tidak membelakangi rakyat.

Menurut Wallis dan Lamoreaux (2018), NGO berperanan dalam mewujudkan konsep *check and balance* kepada pemerintah dengan mengkritik, menilai dan mencadangkan beberapa perkara untuk memperbaiki undang-undang, dasar dan polisi yang sedia ada. Oleh itu, kewujudan NGO dalam amalan demokrasi dapat memainkan peranan dan memberikan input yang penting dalam pentadbiran kerajaan. Lantaran itu, NGO sebenarnya mempunyai peranan tersendiri dalam proses pendemokrasian negara, meskipun ruang dan peluang tidak sebesar aktor politik yang lain, misalnya parti pembangkang. Dalam erti kata yang lain, kerajaan yang memerintah memerlukan kritikan dan pandangan daripada NGO selain parti pembangkang di dalam memperbetulkan pelbagai tindakan kerajaan.

Namun begitu, tahap pengamalan demokrasi di sesebuah negara adalah berbeza dengan sesebuah negara yang lain. Hal ini kerana terdapat kelemahan dan kekangan tertentu sama ada dalam bentuk akta yang menyekat dan menindas atau diskriminasi politik yang dikenakan ke atas NGO yang dilabel sebagai terlalu mengkritik dan anti kerajaan. Keadaan ini seterusnya membawa kepada munculnya istilah-istilah seperti *pseudo-democracy*, *limited democracy* dan demokrasi terpimpin². Dalam konteks

² Istilah ini muncul untuk memberi lebel kepada tahap pengamalan demokrasi di Indonesia semasa di bawah pimpinan Sukarno dan Suharto. Namun begitu, semasa pemerintahan Suharto, amalan demokrasi di

Malaysia, Mujibu, Zaliha, and Badrul Azmier (2010) melihat amalan demokrasi Malaysia sebagai tidak tulin kerana amalannya tidak menepati amalan demokrasi yang sebenar walaupun perkara- perkara seperti mengadakan pilihan raya secara berkala, kewujudan parti politik pembangkang dan NGO adalah dibenarkan.

Menurut Jesudason (1995) dan Loh (1997), amalan demokrasi yang diamalkan di Malaysia dikategorikan sebagai demokrasi dominasi pemerintah (statist democracy) dan negara yang berideologikan pembangunan (development state). Para pengkaji politik Malaysia melihat amalan demokrasi ini tidak menepati ciri-ciri amalan demokrasi yang sebenar kerana berpunca daripada interpretasi terhadap makna demokrasi itu sendiri oleh kepimpinan negara (Perdana Menteri) dan menginterpretasi demokrasi dengan ‘mengikut acuan kita sendiri’. Kesannya, pelbagai akta dan undang-undang yang bertentangan dengan prinsip demokrasi itu sendiri telah digubal seperti Akta Mesin Cetak, Akta Perhimpunan Aman dan Akta Hasutan.

Menurut Saliha (2000), kerajaan Malaysia terutamanya ketika berada di bawah pentadbiran Tun Mahathir lebih memberi tumpuan kepada keharmonian dan keamanan melalui politik yang stabil dan ini menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara. Hal ini kerana sebelum merdeka, pembangunan negara bertumpu kepada sektor yang membekalkan bahan mentah dan sektor pertanian. Sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1970 oleh Tun Razak, strategi pembangunan ekonomi

Indonesia dilihat sebagai mati. Ciri-ciri seperti penyertaan rakyat, ketelusan dan tanggungjawab sosial di kawal ketat oleh pemerintah. Selain itu, pelbagai amalan undang-undang yang menyekat serta menindas terus berkuatkuasa disamping mengadakan pilihan raya secara tidak konsisten dan institusi-institusi demokrasi yang tidak berfungsi sepenuhnya. Kewujudan NGO juga dikawal ketat oleh kerajaan. Lihat Case (2002).

Malaysia bukan hanya bermatlamat untuk membasmi kemiskinan, tetapi juga telah mempertingkatkan proses pembangunan pada tahun-tahun berikutnya terutamanya pada tahun 1970-an dan 1980-an³.

Seterusnya, Tun Mahathir telah melancarkan Rancangan Malaysia Keenam (RMK6) dan Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) yang mana kedua-dua rancangan ini terletak di bawah Dasar Pembangunan Nasional. Dasar ini bertujuan untuk memastikan ekonomi negara kekal berkembang dan kestabilan sosial negara kekal terjaga. Pada masa yang sama, proses pembangunan yang rancak dilaksanakan kadang kala tidak mengambil kira impaknya terhadap alam sekitar. Akibatnya, beberapa masalah berkaitan alam sekitar muncul selari dengan pembangunan tersebut (Sham Sani 1993).

Di sebalik proses pembangunan ekonomi yang pesat ini juga telah menyebabkan masyarakat Malaysia mengalami perubahan sosial yang besar iaitu dengan pertambahan golongan kelas menengah di Malaysia. Perkara ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Pathmanathan (1995) dan Johan (1996) yang mana satu faktor perubahan yang penting dari proses modenisasi ialah pembentukan golongan kelas menengah yang lebih besar. Menurut Abdul Rahman (2000), golongan kelas menengah inilah yang bakal mencorakkan budaya politik Malaysia pada masa akan datang.

³ Dasar yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru ini adalah satu dasar yang dilancarkan oleh kerajaan dalam tahun 1970 melalui Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) untuk membetulkan ketidakseimbangan sosial ekonomi yang wujud di Malaysia di antara kaum-kaum, di antara wilayah-wilayah dan di antara kawasan di wilayah yang sama. Rancangan-rancangan pembangunan di bawah Dasar Ekonomi Baru adalah disusun dan dijalankan menerusi strategi serampang dua mata. Pertama, mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum. Kedua, penyusunan semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Dari aspek budaya politik, masyarakat kelas menengah akan lebih menonjol peranan-peranan sivil yang tertentu dengan bertambahnya kesedaran sosial terhadap isu-isu semasa. Golongan ini memperjuangkan pelbagai isu antaranya kesenian, pendidikan, agama, keadilan sosial, kesamarataan, kaum, hak asasi, dan alam sekitar. Kewujudan masyarakat sivil dapat dilihat dalam konteks sosial dan politik yang mana individu, organisasi formal dan tidak formal serta institusi, kumpulan, rangkaian dan pergerakan sosial yang terdapat di dalamnya bertindak untuk mencapai matlamat sosial dan politik mereka (Johan 1996).

Kesedaran sivil dan politik ini lahir dari kesedaran kelas menengah yang mendapat pendidikan yang sempurna, pekerjaan yang baik dan prihatin terhadap perkembangan politik dan isu-isu semasa. Di sini kita dapat melihat satu transformasi budaya politik daripada sebuah budaya masyarakat yang tidak peka kepada politik semasa dan pasif terhadap pemerintah berubah menjadi satu budaya baru yang lebih peka dan berpartisipasi dalam politik melalui ruang politik yang wujud antaranya melalui masyarakat sivil.

Pada 28 Februari 1991, Tun Mahathir telah melancarkan dasar Wawasan 2020 yang mana dasar ini bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020⁴. Bagi mencapai matlamat ini, semua negeri yang terdapat di Malaysia

⁴ Pada tahun 1991, Wawasan 2020 telah diperkenalkan dengan objektif untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 dengan acuan sendiri. Wawasan 2020 menggariskan hala tuju untuk mencapai status negara maju dengan mensasarkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 7 peratus setahun sehingga tahun 2020. Pelaksanaan Wawasan 2020 terbahagi kepada tiga fasa utama. Dasar dan strategi bagi fasa pertama Wawasan 2020 digariskan di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 (RRJP2) iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN). DPN mengandungi beberapa perubahan dasar yang memberi dimensi baru kepada usaha pembangunan dalam menghasilkan pembangunan yang lebih seimbang di samping

perlu mencapai status negeri maju terlebih dahulu termasuk Perak. Oleh itu, pelbagai program pembangunan ekonomi telah dilakukan sebagai salah satu cara untuk mencapai matlamat tersebut. Program pembangunan ini merangkumi pemerksaan sektor perladangan, mempergiat usaha menarik pelaburan asing, pembinaan kawasan industri baru dan penambahan pusat-pusat komersial (Unit Perancang Ekonomi Perak 2011).

Namun begitu, menurut Rootes (2003), Doherty (2002), Doyle dan McEachern (2001), pembangunan ekonomi yang tidak terancang dan terlalu pesat boleh menyebabkan kemerosotan dan kemusnahan alam sekitar. Di negeri Perak, pada tahun 2015 mencatatkan jumlah pemansuhan hutan simpan yang tertinggi di Malaysia berbanding dengan negeri-negeri lain (Sahabat Alam Malaysia 2016). Ini diikuti lagi oleh beberapa isu alam sekitar yang menjadi tumpuan di Perak terutamanya beberapa isu alam sekitar yang berlaku di daerah Manjung. Aktiviti pembangunan yang tidak terkawal ini telah mengganggu ekosistem alam semula jadi di kawasan terlibat. Keadaan ini telah mendapat reaksi daripada NGO alam sekitar di negeri Perak yang mana telah membawa kepada kemunculan gerakan environmentalisme di negeri tersebut.

mengekaln prinsip asas Dasar Ekonomi Baru (DEB). Fasa Kedua Wawasan 2020 dilaksanakan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) iaitu Dasar Wawasan Negara (DWN) yang merangkumi tempoh 2001-2010. DWN bertujuan untuk memperkukuhkan daya saing dan daya tahan serta mewujudkan masyarakat yang saksama bagi memastikan kestabilan dan perpaduan negara. Fasa ketiga Wawasan 2020 dilaksanakan di bawah Model Baru Ekonomi (MBE) yang dilancarkan pada tahun 2010 merangkumi tempoh masa 2011 hingga 2020. MBE akan menjadi pemangkin dalam menjana potensi pertumbuhan negara. Matlamat utama MBE ialah meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan menekankan kepada tiga dimensi iaitu pendapatan yang tinggi, kemampunan dan keterangkuman yang menekankan golongan berpendapatan 40 peratus terendah. MBE merangkumi empat tonggak transformasi negara di bawah gagasan “1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” iaitu Program Transformasi Kerajaan; Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar. Pelaksanaan strategi MBE diperincikan lagi di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11).

Di Perak, terdapat kerjasama yang baik antara NGO alam sekitar di peringkat nasional, NGO alam sekitar di peringkat negeri dan NGO alam sekitar di peringkat lokal dalam memperjuangkan isu alam sekitar di negeri tersebut. NGO alam sekitar di peringkat di negeri bertumpu kepada Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) yang mana KUASA memainkan peranan yang sama seperti NGO alam sekitar di peringkat nasional iaitu memperjuangkan semua isu alam sekitar dan tidak memfokuskan hanya kepada sesuatu isu sahaja. Hal ini menjadikan KUASA adalah unik kerana di negeri lain tidak terdapat NGO alam sekitar yang memainkan peranan sebegitu. Namun begitu, amalan demokrasi Malaysia yang agak terbatas telah menyebabkan aktivisme NGO alam sekitar yang memperjuangkan isu alam sekitar di Perak ini agak terbatas dan terhalang.

Oleh itu, permasalahan kajian ini tertumpu kepada persoalan bagaimanakah gerakan environmentalisme memainkan peranan mereka dalam ruang demokrasi Malaysia? Kedua, apakah isu-isu yang membawa kepada kemunculan gerakan environmentalisme di Perak? Ketiga, adakah isu alam sekitar yang diperjuangkan oleh gerakan environmentalisme ini berjaya memberi kesan kepada pendemokrasian? Oleh itu, secara keseluruhan, tesis ini bertujuan mengkaji hubungan antara gerakan environmentalisme di Malaysia dalam proses pendemokrasian dengan menjadikan Perak sebagai kajian kes.

1.3 Persoalan Kajian

Oleh itu, berdasarkan permasalahan kajian di atas, terdapat empat persoalan kajian yang dikaji dalam kajian ini iaitu:

1. Bagaimanakah gerakan environmentalisme berkembang dalam ruang demokrasi di Malaysia?
2. Apakah isu-isu alam sekitar yang menjadi pemangkin kepada gerakan environmentalisme di Perak?
3. Bagaimanakah gerakan environmentalisme di Perak menjalankan aktivisme mereka?
4. Sejauhmanakah gerakan environmentalisme di Perak memberi kesan dan memainkan peranannya dalam mempengaruhi proses pendemokrasian?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian tersebut, maka objektif kajian ini adalah:

1. Menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai sejarah dan perkembangan gerakan environmentalisme di Malaysia.
2. Mengenalpasti isu-isu alam sekitar di Perak yang mendorong kepada kemunculan gerakan environmentalisme di negeri tersebut.

3. Menganalisis bentuk aktivisme yang digunakan oleh gerakan environmentalisme di Perak.
4. Menganalisis sumbangan gerakan environmentalisme di Perak kepada proses pendemokrasian dan cabaran yang dihadapi dalam proses tersebut.

1.5 Kerangka Teoritik dan Konseptual

Sesuai kajian yang bersifat ilmiah perlu bersandarkan kepada analisis teori dan konsep tertentu yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Oleh itu, pemilihan teori dan konsep yang bertepatan dengan kajian yang dijalankan adalah sangat penting. Kajian ini menggunakan beberapa teori dan konsep utama sebagai kerangka ilmiah bagi menjawab persoalan kajian ini. Teori dan konsep ini ialah masyarakat sivil, gerakan environmentalisme dan pendemokrasian. Pemilihan kerangka konseptual dan teori ini kerana setiap satunya dilihat mempunyai kekuatan yang tersendiri dan mampu untuk membahaskan dan memperjelaskan persoalan kajian ini sehingga persoalan kajian terjawab.

1.5.1 Masyarakat Sivil

Kebanyakan negara pada hari ini memilih untuk mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Bermula pada awal tahun 1970an sehingga penghujung 1990an, pelbagai negara telah bertukar menjadi negara demokrasi. Negara-negara tersebut telah beralih daripada sistem pemerintahan bukan demokrasi kepada sistem pemerintahan demokrasi seperti Korea Selatan, Taiwan, Pakistan, Peru, Turki, Sepanyol,

Romania, Bulgaria dan lain-lain lagi. Namun begitu, setelah berlakunya transisi pemerintahan, demokrasi yang diamalkan tidak memenuhi makna dan amalan demokrasi itu sendiri. Hal ini bagi membolehkan demokrasi berjalan dengan baik, ia memerlukan kerjasama dan tekad politik dari pihak pemerintah dan masyarakat.

Selain daripada proses pilihan raya yang telus, kebebasan institusi kehakiman, kebebasan media, jaminan terhadap hak asasi masyarakat, menggalakkan penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam proses pembuatan keputusan oleh pemerintah, sistem ini juga menjamin kebebasan berorganisasi dan berpersatuan kepada masyarakatnya. Perkara ini telah menyebabkan muncul gerakan sivil di ruang awam yang dipanggil masyarakat sivil bagi membela, menjaga kepentingan dan pengantara ketika berhadapan dengan pemerintah. Masyarakat sivil merujuk kepada pelbagai jenis komuniti dan kumpulan seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kesatuan sekerja, kumpulan orang asli, pertubuhan kebajikan, pertubuhan berasaskan kepercayaan, persatuan profesional, dan yayasan yang berfungsi di luar kerajaan untuk memberi sokongan dan advokasi untuk orang atau isu tertentu dalam masyarakat (Shah, 2019; Kaene, 2003; Azeem, 2011).

Konsep masyarakat sivil sebelum dekad 70-an merupakan suatu konsep yang dianggap memiliki banyak kekaburan sama ada dari perspektif teoritis mahupun empirik. Para pengkaji seperti Kaviraj & Khilnani (2001) menjelaskan dengan nada kritis bahawa konsep masyarakat sivil mempunyai banyak kekaburan dan hanya layak disimpan di dalam 'keranda teori politik'. Namun, menjelang dekad 70-an, konsep masyarakat sivil mula menarik perhatian para sarjana berikutan kemunculan pertubuhan seperti *Solidarity*

pimpinan Jacek Kuron di Poland yang bertindak sebagai pencabar kepada negara dan muncul sebagai kerajaan menjelang awal 90-an.

Pemikir seperti Hegel (1770-1831) menjelaskan bahawa masyarakat sivil merupakan suatu ruang di mana rakyat bebas berpartisipasi, terletak di antara pemerintah dan keluarga dan bebas dari campurtangan kerajaan (Shah 2019). Menurut della Porta (2009), pada tahun 1990-an, ramai pengkaji, ahli politik dan pihak berkuasa awam menganalogikan masyarakat sivil sebagai ‘Swiss Army knife’⁵ untuk menyelesaikan pelbagai masalah dalam amalan demokrasi yang dihadapi terutamanya dalam kalangan negara membangun. Sehubungan dengan itu, masyarakat sivil muncul sebagai teori yang sering digunakan dalam kajian akademik untuk menjelaskan tentang peralihan demokrasi, penglibatan rakyat dalam ruang awam, aktivisme, tuntutan politik dan hak asasi.

Sejarah perbincangan tentang konsep masyarakat sivil ini adalah berasaskan pandangan dan idea yang dikemukakan oleh tokoh pemikir dan falsafah seperti John Locke (1704), Charle de Montesquieu (1755) dan Alexis deTocqueville (1859) sehinggalah tokoh falsafah moden seperti Jurgen Habermas (Giersdorf dan Croissant 2011: 4). Bermula dengan konotasi bahawa aktiviti kemanusiaan yang berlaku dalam ruang yang memisahkan institusi kekeluargaan dan pemerintah adalah merupakan

⁵ *Swiss Army knife* ialah merupakan senjata yang sering digunakan oleh tentera Switzerland terutamanya ketika peperangan. Selain untuk mempertahankan diri, ianya digunakan untuk kelangsungan hidup. Hal ini kerana, senjata ini memiliki fungsi lain selain daripada menikam dan memotong. Di dalam senjata ini terdapat juga unit lain seperti gergaji, pembuka botol minuman, penebuk lubang dan pemotong kuku. Sejak tahun 1970an, senjata ini telah dikomersialkan kepada orang awam dan telah bertukar fungsinya kepada barang perhiasan.

masyarakat sivil, ia telah berkembang sehingga menjadi satu elemen penting dalam konsep politik dan kenegaraan.

Masyarakat sivil bergerak di luar lingkungan kerajaan dan aktor masyarakat sivil berperanan menjalankan advokasi untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan bertamadun serta mewujudkan keadilan dan kebebasan kepada masyarakat (Azeem 2011). Malah, masyarakat sivil akan menjadi pelindung kepada masyarakat sekiranya pemerintah mengambil tindakan yang menafikan hak dan ruang politik kepada masyarakat. Bagi Cohen dan Arato (1990), masyarakat sivil adalah satu ruang interaksi di antara komponen- komponen utama dalam sesebuah negara seperti sistem ekonomi, pemerintah, pertubuhan bebas dan gerakan sosial. Gerakan yang berbentuk sukarela ini biasanya didokong oleh NGO. Namun begitu, dalam konteks negara demokrasi, masyarakat sivil tidak hanya diwakili oleh NGO tetapi terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam ruang partisipasi yang disediakan oleh pemerintah seperti media, individu berpengaruh, persatuan penduduk, kesatuan sekerja, pertubuhan kebajikan, yayasan dan persatuan profesional. (Azeem 2011; Leftwich 1993).

Peranan masyarakat sivil ini meliputi kehidupan masyarakat iaitu memenuhi bidang budaya, politik ataupun ekonomi yang digerakkan dalam bentuk persendirian mahupun sukarelawan dan ia berada di luar kawalan pemerintah (Leftwich 1993). Mereka juga bertindak atas landasan ingin memperjuangkan kepentingan pihak- pihak yang diwakili dan juga berasaskan isu-isu tertentu. Selain itu, dalam menjelaskan kedudukan masyarakat sivil ini, Crossaint et al. (2000) menjelaskan masyarakat sivil ini merupakan perantaraan di antara ruang-ruang persendirian ataupun peribadi, pasaran dan juga pemerintah.

Oleh itu, parameter amalan demokrasi sesebuah negara dapat diukur dengan melihat tahap hubungan di antara penglibatan dan kebebasan masyarakat sivil sehingga boleh dikatakan bahawa masyarakat sivil dan demokrasi saling bergantung (Lee 2010, Freedman 2009). Masyarakat sivil mampu memainkan peranan bagi meluaskan lagi penyertaan politik dan menampung perubahan politik walaupun layanan buruk dari pemerintah (Weiss dan Saliha 2003).

Dari sini, tahap autonomi pertubuhan dan persatuan yang mewakili kelompok masyarakat perlu dinilai berdasarkan kebolehan mereka untuk berdebat atau pun menentang pemerintah atas alasan ingin membela hak individu dan kumpulan yang diwakili serta mencapai kehendak dan kepentingan kumpulan- kumpulan tertentu yang berbeza (Freedman 2009). Maka dapat dinyatakan di sini bagaimana masyarakat sivil digerakkan oleh aktor-aktornya yang bukan sahaja berhadapan dengan pemerintah tetapi juga aktor-aktor lain dalam masyarakat sivil yang mempunyai idea, pandangan dan aktivisme yang bercanggah dan dianggap mengganggu pihak lain.

Giersdorf dan Croissant (2001) telah menggariskan kriteria-kriteria utama bagi aktor-aktor yang terlibat dalam ruang awam ini; pertamanya adalah penglibatan secara sukarela, kedua, mempunyai autonomi daripada pemerintah dan juga masyarakat politik, ketiga mematuhi peraturan sivil dan keempat tindakan, kepentingan dan tuntutan yang diperjuangkan adalah berorientasikan masyarakat awam. Penglibatan aktor-aktor dalam masyarakat sivil ini adalah jelas tidak mempunyai matlamat untuk mendapatkan kuasa politik namun mereka bergiat secara aktif dalam politik sesebuah negara bagi menjalankan advokasi tersendiri. Kita sering disebarkan dengan fahaman bahawa aktor-aktor ini tidak boleh berpolitik namun apabila merujuk kepada definisi yang

dibincangkan oleh pengkaji dan ahli falsafah politik terdahulu, aktor masyarakat sivil ini sememangnya merupakan salah satu elemen politik dalam sesebuah negara.

Hubungan yang wujud dalam sebuah negara demokrasi moden menjurus kepada keperluan kewujudan masyarakat sivil yang aktif. Ia seiring dengan tema ekonomi dalam demokrasi liberal yang menganjurkan modal sosial bagi meletakkan kepentingan kepada rakyat sebagai peraih utama hasil kekayaan negara. Ia memberikan kebebasan kepada individu bagi menyusun cara hidup mereka. Dari sinilah Francis (2003) berpendapat lahirnya masyarakat sivil yang dapat mengawal ruang kebebasan mereka dalam interaksi dengan pemerintah melalui kerjasama dalam membentuk persatuan. Kedudukan istimewa masyarakat sivil dalam teori demokrasi ini telah menganjurkan rakyat agar dapat menggunakan ruang awam ini secara bebas dan sepenuhnya bagi melancarkan perjalanan sistem ini (Azeem 2011). Oleh itu, sebarang bentuk advokasi yang menjurus kepada mewakili suara rakyat atau sekelompok daripadanya telah mewujudkan hubungan dan interaksi sivil dengan pemerintah dan juga sesama rakyat.

Sebagai satu konsep politik, masyarakat sivil yang bergerak atas kapasiti aktor bukan kerajaan sentiasa bersemuka dengan hegemoni pemerintah. Menurut Rumadi (2015), masyarakat sivil merupakan satu konsep yang memberi respon kepada realiti politik apabila pemerintah menjadi ‘raksasa yang menakutkan’ (a scary monster) yang sangat berkuasa dan mendominasi segenap aspek kehidupan rakyat. Konsep ini berkembang apabila masyarakat sivil membentuk masyarakat yang berpengetahuan, menghormati dan menjaga hak asasi manusia. Interpretasi ini lebih cenderung kepada pandangan Hegel yang menganggap bahawa masyarakat sivil adalah satu ruang untuk rundingan dan perjanjian kerjasama (a sphere of contract) antara rakyat dengan kerajaan

(Saliha 2000). Oleh itu, dalam kajian ini, apabila pemahaman umum tentang konsep masyarakat sivil ini diletakkan selari dengan ketetapan parameter demokrasi yang wujud di Malaysia, ia menjadi suatu fokus analisis kajian politik yang menarik.

Cohen dan Arato (1992), menyatakan masyarakat sivil terdiri daripada sekumpulan individu yang menubuhkan pertubuhan atau persatuan untuk membincang dan menyebarkan idea dalam lingkungan ruang yang dibenarkan. Mereka berhujah bahawa prinsip utama yang mendasari fungsi masyarakat sivil ialah akauntabiliti, penyertaan dan pertubuhan secara aman, yang mana masyarakat sivil tidak dapat berfungsi dengan baik jika tidak mempunyai elemen tersebut. Diamond (1994:5) pula mentakrifkan masyarakat sivil sebagai;

“an intermediary entity, standing between the private sphere and the state. Thus it excludes individual and family life, inward-looking group activity (eg, for recreation, entertainment, or spirituality), the profit-making enterprises of individual business firms, and political efforts to take control of the government.

Takrifan ini bermaksud masyarakat sivil adalah sebagai pengantara antara masyarakat dan kerajaan. Ia terdiri daripada pertubuhan tertentu yang dibentuk untuk kepentingan tertentu masyarakat dalam sesebuah negara dan tidak bersifat peribadi. Pendapat Diamond (1994) ini selari dengan Walzer (1995:7) yang menyatakan masyarakat sivil sebagai;

“...the words ‘civil society’ name the space of uncoerced human association and also the set of relational networks-formed for the sake of family, faith, interest and ideology –that fill the space”.

Takrifan ini menunjukkan masyarakat sivil terdiri daripada sekumpulan individu yang menubuhkan persatuan untuk kepentingan masyarakat. Walzer (1995) berhujah bahawa masyarakat sivil beroperasi dalam lingkungan atau ruang antara masyarakat dan kerajaan yang mana dalam ruang tersebut terdapat pertubuhan masyarakat yang bersifat sukarela berinteraksi dengan kerajaan untuk memastikan dasar kerajaan tidak memberi kesan negatif kepada masyarakat. Post dan Rosenblum (2002), masyarakat sivil adalah pertubuhan tertentu yang wujud dalam sesebuah masyarakat sama ada bebas daripada kerajaan atau menerima sokongan dan bantuan daripada kerajaan. Mereka menggariskan tiga fungsi utama masyarakat sivil. Pertama, masyarakat sivil bertindak sebagai kesatuan politik yang kolektif untuk menentang kerajaan autokratik atau menindas rakyat. Kedua, masyarakat sivil berfungsi untuk menyusun atur masyarakat supaya mereka terlibat dalam perbincangan politik. Ketiga, masyarakat sivil berfungsi sebagai persatuan untuk mewujudkan idea dan pemerintahan demokrasi dalam sesebuah negara (Post dan Rosenblum 2002).


Di samping itu, konsep masyarakat sivil dapat dianalisis dari dua perspektif tradisi iaitu pluralis dan marxis. Menurut Zaini (2002:41) dari perspektif tradisi pluralis, masyarakat sivil berperanan untuk menyuburkan amalan demokrasi yang diamalkan oleh sesebuah negara. Berdasarkan tradisi pluralis, masyarakat sivil hanyalah bertujuan untuk memoralkan sistem demokrasi yang sedia diamalkan dalam sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, kemunculan Pertubuhan Pilihan Raya Bersih dan Adil (MAFREL) dan BERSIH adalah merupakan pertubuhan sivil untuk memantau perjalanan pilihan raya Malaysia dari penyalahgunaan kuasa kerajaan oleh parti pemerintah. Selain itu, kemunculan pertubuhan sivil seperti *Amnesty International* di Britain pula bertindak

memantau pelanggaran hak asasi rakyat oleh pemerintah dengan mengambil tindakan pembelaan yang sewajarnya. Jelas di sini, masyarakat sivil dari perspektif tradisi pluralis hanya bertujuan untuk memantau pemerintah, memoralkan sistem yang sedia ada dan memastikan demokrasi sentiasa subur di dalam negara berbanding dari menjatuhkan pemerintah.

Perspektif yang kedua pula dapat dilihat dari tradisi marxis yang memandang masyarakat sivil sebagai lawan kepada pemerintah. Gellner (1995) menghujahkan bahawa masyarakat sivil berperanan sebagai pelindung dan aktor yang berperanan menyekat pemerintah daripada melakukan penindasan kepada masyarakat. Pernyataan sebegini menjelaskan bahawa masyarakat sivil dari konteks marxis lebih memandang peranannya sebagai pertubuhan yang berkontradiksi dan berkonfrontasi dengan penguasa. Masyarakat sivil juga sebagai agen perubahan pendemokrasian. Perkara ini mungkin dapat dijelaskan melalui pengalaman pertubuhan sivil di Afrika Selatan iaitu *African National Congress* (ANC) pimpinan Mandela yang berkontradiksi dengan penguasa serta pengalaman *Solidarity* di Poland yang berjaya menekan dan menjatuhkan pemerintahan komunis.

Saliha (2000) menyatakan masyarakat sivil perlu bebas dari kawalan pemerintah, bertindak sebagai perantara antara masyarakat dengan pemerintah, tidak mempunyai matlamat politik dan bersifat sukarela. Perkara ini dapat dicerap melalui pengalaman masyarakat sivil di Malaysia seperti Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) yang hanya menumpukan kepada aktivisme memperjuangkan hak-hak rakyat yang tertindas, tetapi apabila terdapat pemimpinnya yang ingin berpolitik, mereka akan menyertai sebuah parti yang lain. Perkara ini dapat dijelaskan melalui tindakan pengasasnya iaitu Kua Kia

Soong yang menyertai DAP sebagai wadah politik. Kemunculan masyarakat sivil di dalam sesebuah sistem demokrasi tidak sepatutnya disekat, ini kerana ia merupakan salah sebuah agen perubahan dalam masyarakat dan menjadi penghubung kepada ruang di antara pemerintah dan masyarakat. Berikut adalah rajah berkenaan masyarakat sivil yang diadaptasi daripada perbincangan di atas.



Rajah 1.1: Ruang dan Peranan Masyarakat Sivil

Rajah 1.1 di atas menerangkan berkenaan ruang dan peranan masyarakat sivil dalam negara demokrasi menurut pendekatan pluralis. Berdasarkan perbincangan sarjana di atas, masyarakat sivil merujuk kepada ruang antara pemerintah dan masyarakat dan ia melibatkan pelbagai kumpulan seperti NGO, individu berpengaruh, media, persatuan

penduduk, pertubuhan sosial, kesatuan sekerja, persatuan kebudayaan dan persatuan profesional. Tujuan mereka adalah untuk berpartisipasi dalam ruang demokrasi yang disediakan oleh pemerintah. Oleh itu, kajian ini membahaskan masyarakat sivil dari perspektif tradisi pluralis sahaja yang mana aliran pluralis ini bertujuan untuk memantau pemerintah, memoralkan sistem yang sedia ada dan memastikan demokrasi sentiasa subur berbanding dari menjatuhkan pemerintah. Hal ini selaras dengan pendapat Post & Rosenblum (2002) yang menyatakan masyarakat sivil tidak dapat menjamin wujudnya demokrasi, tetapi ia adalah keperluan untuk memastikan demokrasi berjalan dengan baik.

1.5.2 Gerakan Environmentalisme

Gerakan environmentalisme merupakan salah satu cabang daripada gerakan sosial. Opp (2009) mendefinisikan gerakan sosial sebagai penganjuran protes oleh masyarakat sivil. Lipsky (1968) pula mendefinisikan protes sebagai salah satu tindakan politik yang berorientasikan bantahan terhadap sesuatu dasar atau keputusan kerajaan. Turner (1969) menyatakan protes sebagai salah satu cara untuk menyatakan ketidakpuasan hati, rungutan dan bantahan. Gerakan sosial ialah gerakan kolektif yang terdiri daripada beberapa organisasi formal, tidak formal dan individu yang mana setiap satunya berbeza dari segi saiz dan keahlian (Snow dan Oliver 1995).

Menurut Opp (2009), gerakan sosial biasanya terdiri daripada masyarakat sivil dan individu yang berkongsi idea dan matlamat yang sama yang berperanan merancang dan menyelaraskan tindakan secara kolektif bagi mencapai matlamat mereka. Selain itu, gerakan sosial juga mempunyai kumpulan yang agak besar apabila melakukan protes. Gerakan sosial ini perlu mengekalkan matlamat gerakan mereka. Hal ini kerana, apabila

matlamat berubah, kebiasaannya gerakan sosial ini juga akan terhenti atau terpaksa mengubah orientasinya.

Menurut Weiss dan Saliha (2003), selain penglibatan dalam politik seperti mengundi ketika pilihan raya diadakan, gerakan sosial merupakan salah satu kaedah untuk rakyat menyatakan pendapat mereka. Hal ini kerana terdapat beberapa batasan dalam menyuarakan pendapat melalui saluran pilihan raya kerana pilihan raya tidak boleh mencerminkan kepentingan sebenar rakyat berhubung isi tertentu. Perkara ini bermaksud gerakan sosial boleh memainkan peranan menyatakan pendapat rakyat di luar mekanisme politik yang telah ditetapkan. Oleh itu, para sarjana politik melihat gerakan sosial sebagai satu pelengkap kepada mekanisme demokrasi perwakilan (Goldstone, 2004; Meyer dan Tarrow, 1998; Opp, 2009).

Secara umumnya, terdapat dua strategi yang digunakan dalam gerakan sosial (Dubrow et al, 2008; Grant, 2000; Soule et al, 1999). Strategi pertama ialah strategi lembut iaitu merujuk kepada perbuatan seperti menulis surat bantahan, melobi, petisyen dan menulis memorandum. Strategi kedua pula ialah konfrontasi iaitu merujuk kepada tindakan berskala besar seperti demonstrasi, perarakan, protes jalanan dan mogok. Jordan dan Maloney (1997) berpendapat bahawa taktik konfrontasi secara perlahan-lahan telah digantikan dengan taktik lembut.

Hal ini kerana, pelbagai NGO telah memilih untuk terlibat secara formal dalam proses penggubalan dasar kerajaan. Dalam erti kata yang lain, NGO ini melihat taktik lembut ini lebih memudahkan untuk mencapai matlamat mereka berbanding berkonfrontasi dengan kerajaan secara berterusan. Namun begitu, Richards dan Heard

(2005) dan Tarrow (1994), berpendapat bahawa taktik konfrontasi masih dianggap sebagai taktik yang berkesan dalam gerakan sosial. Hal ini kerana taktik konfrontasi dilihat mampu menarik perhatian pemerintah, pembuat dasar, rakyat dan media massa melalui tindakan tersebut.

Seterusnya, apakah pula gerakan environmentalisme? Environmentalisme adalah ideologi yang bertujuan untuk mengurangkan kesan aktiviti manusia terhadap bumi dan penduduknya (Saward, 1996). Manakala, gerakan environmentalisme ialah adalah sejenis gerakan sosial yang melibatkan pelbagai individu, kumpulan dan gabungan yang berkongsi kepentingan bersama dalam perlindungan alam sekitar dan bertindak untuk membawa perubahan dalam dasar dan amalan yang berkaitan dengan alam sekitar (McCormick 1995, Rootes 1999 dan Carter 2001). Gerakan environmentalisme berusaha untuk melindungi alam semulajadi melalui beberapa inisiatif iaitu; mengurangkan pencemaran, memulihara sumber semulajadi, menghalang spesis terancam (flora dan fauna) daripada pupus dan melindungi kawasan semula jadi daripada kemusnahan dan pembangunan yang berlebihan (Doherty 2002).

Contoh gerakan environmentalisme ialah seperti gerakan Chipko di India yang memperjuangkan perlindungan hutan dan gerakan *Assembly of the Poor* di Thailand iaitu sebuah gabungan gerakan environmentalisme yang memperjuangkan hak rakyat untuk terlibat dan mengambil bahagian dalam dasar alam sekitar dan pembangunan (Hezri 2016).

Gerakan environmentalisme sangat menekankan perlindungan alam sekitar melalui perubahan dalam dasar awam iaitu meliputi ekologi, kesihatan dan hak asasi manusia. Gerakan ini dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu berinstitusi secara formal, tidak formal dan radikal (Rootes 1999). Menurut (Doyle 2005), daripada tiga bentuk tersebut, terdapat lapan jenis gerakan environmentalisme iaitu;

- i) aktivis perubahan iklim,
- ii) konservasi,
- iii) pembela alam sekitar,
- iv) Parti Hijau,
- v) pelindung air,
- vi) tindakan individu dan politik,
- vii) aktivisme alam sekitar diperingkat akar umbi
- viii) *Eco-terrorism*.

Menurut Zhanda et al (2021), kesedaran awam terhadap krisis iklim dan kemunculan pergerakan perubahan iklim pada awal abad ke-21 telah kepada munculnya kumpulan aktivis alam sekitar yang dikenali sebagai Aktivis Iklim. Kemunculan gerakan seperti *School Strike for Climate* dan *Fridays for Future* telah membawa kepada generasi baharu aktivis belia seperti Greta Thunberg, Jamie Margolin dan Vanessa Nakate. Mereka telah mencipta pergerakan perubahan iklim yang dipelopori oleh golongan belia (aktivis muda) di peringkat global.